



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PENOLONG PENGARAH (KUMPULAN 2)
BAHAGIAN PROJEK STRATEGIK SEKTOR TENAGA
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PENOLONG PENGARAH
BAHAGIAN PROJEK STRATEGIK SEKTOR TENAGA
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI
KUMPULAN 2 (\$5,400 EB KHAS \$5,610 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Chartered Project Professionals / Chemical Engineering / Civil and Structural Engineering / Electrical and Electronic Engineering / Engineering in Sustainable Energy / Mechanical Engineering / Petroleum Engineering* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Tenaga dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.

2. Hendaklah terlebih dahulu menyediakan **dua (02)** kertas kerja yang Asli (*Original*) yang memuaskan pihak panel penilaian, berkaitan dengan tugas pegawai tersebut dalam **dua (02)** daripada bidang-bidang sebagai satu penilaian kenaikan pangkat:

- i) Kertas Pembaharuan Perkhidmatan Awam;
- ii) Kertas Kedudukan Pendirian Negara (*Position Paper*) bagi mesyuarat di luar negeri;
- iii) Kertas Penggubalan / Penelitian Dasar; dan
- iv) Kertas Kerja yang berkaitan dengan bidang masing-masing.

Kertas kerja yang telah disediakan hendaklah disahkan terlebih dahulu oleh Setiausaha Tetap / Ketua Jabatan masing-masing sebelum dihadapkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

Bagi yang belum mempunyai dua (02) kertas kerja dikehendaki menghadapkan selepas dinaikkan pangkat.



3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Merangka strategi bagi projek-projek strategik dengan kerjasama agensi-agensi berkepentingan dan menghasilkan sumbangan yang optimum kepada hasil negara;
2. Menyediakan pelan pelaksanaan strategi, menjalankan pelan-pelan tindakan dan membuat pemantauan kemajuan (*key milestones*);
3. Mengendalikan (*portfolio management*) bagi projek-projek strategik untuk dalam Jabatan Tenaga mahupun Kementerian-Kementerian lain yang berkaitan serta menilai kesan-kesan atau impaknya kepada keseluruhan pelan strategik Kementerian dan objektif kepada Bahagian Dasar dan Strategi;
4. Mengurus pelbagai interaksi atau antara muka dalaman mahupun di peringkat Kementerian. Memudah cara dan membuat penyelarasan di kalangan ketua-ketua agensi berkepentingan yang berkaitan dengan projek-projek strategik;
5. Meneliti dan menilai kebolehlaksanaan peluang-peluang hiliran lanjut secara menyeluruh dan perspektif pendekatan senegara;
6. Memberi cadangan bagi penambahbaikan proses untuk semua projek strategik termasuk projek-projek lain yang di bawah Jabatan Tenaga;
7. Membuat laporan kepada pihak pengurusan atasan; dan
8. Melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan atau mana-mana tugas yang diarahkan oleh Ketua Bahagian Projek Strategik dari semasa ke semasa.